



DAMOK berjaya meraih podium kedua pusingan kelima perlumbaan yang berlangsung di Portimao kelmarin.

Damok tunai janji naik podium di Portimao

PELUMBA meningkat naik, Syarifuddin Azman terus menyinar di bumi Eropah apabila menaiki podium tempat kedua pada perlumbaan Junior GP pusingan kelima di Litar Antarabangsa Algarve, Portimao kelmarin.

Impian pelumba SIC Racing tersebut untuk memburu podium ketiganya musim ini tercapai, sekali gus berjaya melunaskan kejayaan kepada rakyat Malaysia.

Syarifuddin atau dikenali sebagai Damok yang memulakan saingan di petak kedua menampilkan persembahan cukup baik pada awal saingan, namun sedikit ketinggalan di pertengahan perlumbaan.

Berkat kesabaran, impian Damok yang tekad memburu tempat ke podium tercapai selepas

beberapa pelumba terjatuh di pusingan akhir, membolehkan dia memecut laju memintas pelumba lain untuk berada tempat kedua.

"Pertamanya syukur, terima kasih kepada pasukan yang bertungkus lumus menyiapkan jentera. Alhamdulillah, semua berjalan lancar dan pasukan juga gembira dengan keputusan ini.

"Pada perlumbaan tersebut, cuaca agak panas dan saya cuba merapatkan kedudukan dari awal perlumbaan untuk berada dalam kelompok hadapan. Saya hampir terlepas, namun mampu mengejar semula.

"Pada pusingan terakhir, ada dua pelumba melakukan kesilapan dan peluang itu saya ambil. Saya gembira dapat menamatkan perlumbaan di tempat kedua

dan harap dapat terus konsisten dengan keputusan sebegini sehinggalah penghujung saingan nanti," kata Damok.

Penamat tempat kedua diraihnya itu adalah yang ketiga selepas turut meraih kedudukan sama pada dua perlumbaan di Litar Catalunya, bulan lalu.

Lebih manis, Damok yang meletakkan sasaran lima terbaik musim ini terus konsisten apabila berjaya berada di kedudukan kedua keseluruhan ketika ini selepas mengumpul 97 mata keseluruhan.

Dia ketinggalan di belakang pelumba Team Estrella Galicia 0,0 dari Sepanyol, Jose Antonio Rueda mendahului carta keseluruhan kelas JuniorGP dengan 178 mata selepas meraih lima kemenangan musim ini.